Adnan bin Mat Jusoh lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO D-05–41 TAHUN 2004
WAN ADNAN, TENGKU BAHARUDIN SHAH DAN SULONG MATJERAIE HHMR
20 JULY 2009

Keterangan — Keterangan ikut keadaan — Kesimpulan daripada fakta-fakta — Sama ada tertuduh menyebabkan kematian si mati — Sama ada terdapat saksi melihat tertuduh melakukan pembunuhan — Sama ada keterangan ikut keadaan menunjukkan kesalahan tertuduh

Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Kes pendakwaan — Sama ada wujud kes prima facie untuk kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada keterangan ikut keadaan menunjukkan kesalahan tertuduh — Sama ada pembelaan menimbulkan sebarang keraguan munasabah

Tertuduh telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') kerana membunuh kekasihnya, Mastura. Tertuduh telah merayu terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi yang mendapatinya bersalah. Tertuduh telah mengamuk dan membakar sebuah rumah. Selepas api dipadamkan, polis telah menjumpai satu mayat dalam keadaan tertiarap berhampiran dengan tangga dan pintu rumah. Beberapa orang saksi awam telah memberi keterangan bahawa sebelum berlakunya peristiwa ngeri tersebut, tertuduh telah menyerang beberapa orang yang lain. Tertuduh telah dilihat memegang sebilah kapak dan menekan kepala si mati. Pakar forensik ('SP15'), mendapati bahawa mangsa telah menerima beberapa luka tikaman dan luka tikaman pada bahagian dada yang menusuk jantung seterusnya menyebabkan pendarahan yang banyak sehingga menyebabkan kematian. Beliau juga berpendapat mangsa telah mati sebelum terbakar kerana tidak ada kesan jelaga dalam tekak si mati. Mayat si mati telah dikenalpasti melalui ujian DNA. Teras pembelaan tertuduh ialah penafian terlibat dalam pembunuhan si mati. Pembelaan ketidaksiuman yang dibangkitkan oleh tertuduh di bawah peruntukan s 84 Kanun telah ditolak oleh hakim bicara kerana tertuduh sedar angkara perbuatannya. Hakim bicara mendapati tertuduh membakar rumah untuk menutup jenayah yang dilakukannya dan selepas itu menyembunyikan diri di celah kiambang dalam sungai. Hakim bicara juga berpendapat bahawa pembelaan tertuduh di bawah s 85 Kanun mengenai keadaan mabuk oleh sebab mengambil dadah tidak berjaya

dibuktikan oleh pihak pembelaan atas imbangan kebarangkalian memandangkan tertuduh atas kerelaannya mengambil dadah berlebihan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan ialah berbentuk keterangan ikut keadaan. Hakim bicara tidak khilaf apabila menggunapakai prinsip bersabit dengan keterangan sedemikian. Hakim bicara telah membuat suatu keputusan yang betul apabila mendapati pihak pendakwaan berjaya menegakkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh (lihat perenggan 16–17).

(2) Walaupun tiada sesiapa yang melihat tertuduh melakukan pembunuhan tetapi keterangan saksi-saksi yang melihat tertuduh berada di tempat kejadian di mana si mati dijumpai mati dan kematian si mati disebabkan tikaman dan bukan kerana terbakar serta keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan kesalahan oleh tertuduh dan bukan kepada lain-lain orang (lihat perenggan 28).

(3) Hakim bicara juga tidak khilaf apabila mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah melalui keterangan saksi-saksi pembelaan (lihat perenggan 31).

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code ('the Code') for murdering his lover, Mastura. The accused appealed against the overall decision of the High Court which found him guilty. The accused ran *amok* and caused fire to a house. After the fire was put out, the police found a body facing downwards close to the stairs and door of the house. A few public witnesses gave evidence that before the incident occurred, the accused had attacked a few others. The accused was seen to have held an axe and pressed it against the deceased's head. The forensic expert ('SP15'), found that the victim received several stab wounds and the stab wound to the chest that penetrated to the heart and caused further massive bleeding that eventually caused death. He also was of the opinion that the victim was already dead before she was burnt as there was no sign of soot in the deceased's throat. The deceased's body was identified through a DNA test. The essence of the accused's defence was a denial of involvement in the murder of the deceased. The defence of insanity raised by the accused under the provision of s 84 of the Code was dismissed by the trial judge as the accused was aware of the consequences of his act. The trial judge found that the accused had set fire to the house to conceal the crime he had committed and thereafter had hid himself among the water lilies in the river. The trial judge was also of the view that the accused's defence under s 85 of the Code on being intoxicated from taking drugs had not been successfully established by the defence on the

balance of probability as the accused had taken an overdose of the drug on his own will.

Held, dismissing the appeal:

(1) The evidence produced by the prosecution amounted to circumstantial evidence. The trial judge had not erred when applying the principles relating to such evidence. The trial judge had made the correct decision when finding that the prosecution had successfully established a prima facie case against the accused (see paras 16–17).

(2) Although no one had seen the accused commit the murder but the evidence of the witnesses who saw the accused at the place of incident where the deceased was found dead and the death of the deceased was due to the stabs and not due to the fire and the circumstantial evidence produced by the prosecution showed the offence committed by the accused and not any others (see para 28).

(3) The trial judge had also not erred in finding that the defence had failed to raise a reasonable doubt based on the evidence of the defence's witnesses (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kesimpulan daripada fakta-fakta, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 706.

Untuk kes-kes mengenai kes pendakwaan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2967–2972.

Kes-kes dirujuk

Chan Chwen Kong v PP [1962] MLJ 307, MR (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)
Jayaraman & Ors v PP [1982] 2 MLJ 306, MP (dirujuk)
Kartar Singh & Anor v Rex [1952] MLJ 85, MR (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84, MP (dirujuk)
Nor Hasnizam bin Ab Latif v PP [2002] 1 MLJ 154, MR (dirujuk)
PP v Hanif Basree bin Abdul Rahman [2008] 3 MLJ 161, MP (dirujuk)
PP v Rosyatimah bte Neza & Anor [1989] 1 MLJ 360, MT (dirujuk)
Sunny Ang v PP [1966] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Tan Buck Tee v PP [1961] MLJ 176, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174, MP (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 84, 300, 300(a), (b), 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–2 Tahun 2001 (Mahkamah Tinggi, Kota Bharu)

P Dorairaj (P Dorairaj & Co) bagi pihak perayu.
Nurulhuda Nur'aini bt Mohd Noor (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Wan Adnan HMR:

[1] Ini adalah rayuan oleh tertuduh terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu yang mendapati beliau bersalah dan disabitkan kesalahan seperti pertuduhan. Selepas perbicaraan rayuannya mahkamah ini dengan sebulat suara menolak rayuan tertuduh dan mengekalkan keputusan mahkamah bicara tersebut. Pertuduhan pindaan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 6hb. Januari 2000 jam lebih kurang 11:30 malam, di sebuah rumah tanpa nombor di Kampong Pasir Jelatang, Kubang Kerian di dalam Daerah Kota Bharu di dalam Negeri Kelantan, telah melakukan kesalahan membunuh orang iaitu dengan menyebabkan kematian ke atas Mastura binti Kamarul Jamal (K.P No. 760229-03-5140) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Kesiksaan dan boleh di hukum di bawah Seksyen yang sama.

[2] Pada 6 Januari 2000 jam lebih kurang 11.20 malam SP1, pegawai bertugas di Balai Polis Kubang Kerian, telah menerima panggilan telefon menyatakan sebuah rumah telah dibakar oleh seorang lelaki sedang mengamuk di Kampung Pasir Jelatang, Kubang Kerian. Dia telah memaklumkan laporan itu kepada Inspektor Suzana ('SP9') yang telah pergi ke tempat kejadian. Apabila sampai di tempat kejadian SP9 dapati api baru sahaja dipadamkan dan dia nampak ada satu mayat. Dia selanjutnya telah memaklumkan tentang kejadian itu kepada ASP Mustafa ('SP14'). Setelah sampai di tempat kejadian SP14 mendapati suatu mayat dalam keadaan tertiarap berhampiran dengan tangga dan pintu rumah. Dia mengarahkan mayat tersebut dihantar ke hospital Kota Bharu.

[3] Pihak pendakwa juga telah memanggil beberapa orang saksi awam bagi memberi keterangan mengenai apa yang berlaku sebelum berlakunya peristiwa ngeri tersebut yang melibatkan tertuduh. Saksi-saksi penting pendakwaan ialah SP10, SP11, SP12 dan SP13. Mereka berada di tempat kejadian pada 6 Januari 2000.

[4] Pada 6 Januari 2000, jam lebih kurang 6 30 petang SP12 pergi ke rumah tertuduh untuk mengisap ganja. Tertuduh tinggal bersama datuknya

(SP13) di rumah tersebut. Manakala Mastura (si mati) iaitu kekasih tertuduh juga tinggal di situ. Antara jam 8.20 malam hingga 9 malam Zuki dan isterinya turut sama.

[5] Selepas Zuki dan isterinya beredar, SP12 juga hendak balik ke rumahnya tetapi disekat oleh tertuduh sambil melempar mercun ke atasnya. SP12 rasa takut dan panggil SP13. Ketika itu juga dia nampak tertuduh sudah memegang sebilah kapak. SP12 terus lari dari situ kerana ketakutan.

[6] SP13 mendengar bunyi bising di luar rumahnya. Ketika itu jam antara 10 ke 10.30 malam semasa dia berada di dalam bilik. SP13 keluar dari biliknya dan nampak tertuduh tekan kepala si mati. SP13 cuba menolong si mati tetapi tertuduh menyerangnya dengan pisau. SP13 terjatuh. Dalam ketakutan beliau melompat keluar melalui tingkap. SP13 pergi tidur di rumah Wan Bedah dan hanya melihat rumahnya yang telah terbakar pada keesokan pagi. Mengikut SP13 tertuduh tidak pernah berkelakuan sedemikian dan tertuduh pernah dimasukkan ke wad gila. SP13 menyatakan pada malam tersebut tiada eletrik, beliau guna lilin. Tiada orang lain di rumahnya pada masa itu.

[7] Pada malam 6 Januari 2000 Wan Mustafa bin Wan Ismail ('SP10') yang juga dikenali sebagai Jaafar oleh tertuduh diberitahu ada rumah terbakar. Ketika menuju ke rumah tersebut beliau nampak tertuduh yang sedang memegang golok dan badik datang untuk menyerangnya sambil berteriak 'mana Jaafar, aku nak bunuh dengan Jaafar'. Suatu pergelutan berlaku antara beliau dan tertuduh. Setelah mereka berundur seketika tertuduh datang semula dengan memegang kain perca dengan api yang menyala. Mereka bergelut lagi, selepas itu SP10 nampak kawannya Samsuddin ('SP11') terserempak dengan tertuduh, mereka pun turut bergelut.

[8] Terdahulu SP11 pergi ke rumah SP13 selepas melihat puncak api. Di tempat kejadian dia lihat tertuduh pegang golok di tangan kanan dan pisau di tangan kiri dan menyuruh SP11 jangan campur tangan.

[9] SP11 memperakui apa yang dikatakan oleh SP10. SP11 mengenali tertuduh kerana mereka berjiran. SP10 menyatakan beliau melihat apa yang terjadi dengan jelas.

[10] Tertuduh telah ditangkap oleh SP6 ketika berada di dalam sungai di kampong tersebut pada 7 Januari 2000 lebih kurang jam 3.30 pagi. Mengikut SP6 tertuduh pernah ditangkapnya kerana kesalahan dadah. Mayat si mati dijumpai terbaring dekat tangga dan pintu rumah SP13 yang terbakar oleh SP14. Mayat si mati dihantar ke hospital Kota Bahru dan dibedah siasat oleh SP15. Kakak si mati ('SP8') telah membuat pengecaman.

[11] Pada 10 Januari 2000 SP15, seorang pakar forensik, telah menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati dan SP15 membuat kesimpulan bahawa mangsa telah menerima beberapa luka tikaman dan luka tikaman pada bahagian dada yang menusuk jantung seterusnya menyebabkan pendarahan yang banyak sehingga menyebabkan kematian. Beliau juga berpendapat mangsa telah mati sebelum terbakar kerana tidak ada kesan jelaga dalam tekak si mati. SP15 seterusnya mengesahkan sebab kematian adalah pendarahan yang membawa maut akibat tikaman pada jantung.

[12] Kami mendapati hakim bicara telah mengambilkira unsur-unsur di bawah peruntukan s 300 Kanun Keseksaan ('KK') bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan di bawah s 302 KK. Unsur-unsur tersebut ialah seperti:

(a) kematian Mastura bt Jamal (si mati)

(b) kematian itu disebabkan oleh, atau akibat daripada, perbuatan tertuduh; dan

(c) perbuatan itu dilakukan dengan niat yang dinyatakan di bawah perenggan (a) atau (b) 300; atau dalam keadaan yang dinyatakan dalam perenggan (c) atau (d) seksyen tersebut.

[13] Hakim bicara telah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mendapati suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap tertuduh dan memanggil tertuduh membela diri. Beliau mengambilkira keterangan saksi-saksi penting pendakwaan seperti SP3, SP8, SP10, SP11, SP12, SP13 dan SP15 selain saksi-saksi formal.

[14] Hakim bicara berpuashati bahawa si mati telah dikenal pasti oleh kerterangan SP8 dan keterangan pakar forensik ('SP15') telah mengesahkan mayat yang dijumpai terbakar di tempat kejadian adalah mayat si mati. SP3 yang melakukan ujian DNA memperakui si mati adalah 'female sibling' kepada kakak si mati ('SP8') dan penderma darah M1 (abang si mati).

[15] Manakala keterangan SP12 dan SP13 menunjukkan tertuduh ada bersama si mati di tempat kejadian pada malam berkenaan. Dalam penghakimannya (ms 204 rekod rayuan 5) beliau berpendapat seperti berikut:

> Dalam kes sekarang ini SP12 dan SP13 adalah orang yang terakhir meninggalkan rumah berkenaan sebelum kejadian itu. Sebelum meninggalkan rumah itu dia melihat wajah tertuduh berubah setelah tertuduh mengambil pil kuda dan telah memanggil datuk tertuduh ('SP13') keluar dari biliknya. Pada masa itu tertuduh

memegang sebilah golok di tangan kanannya dan melibaskan golok itu kepada SP12 yang menyebabkannya terus lari meninggalkan rumah itu. Keterangan SP12 tersebut disokong oleh SP13, datuk tertuduh sendiri. Semasa dia keluar dari biliknya dia juga melihat tertuduh memegang sebilah golok sambil menekan tengkok si mati. Selanjutnya terdapat keterangan SP15, pakar forensik yang mengesahkan bahawa kecederaan yang menyebabkan kematian si mati diakibatkan oleh tikaman dengan senjata daripada jenis yang sama dengan golok tersebut (P21).

SP15 juga mengesahkan bahawa ketiadaan kesan jelaga dalam saluran pernafasan si mati menunjukkan bahawa dia telah mati sebelum kebakaran itu. Keterangan SP10 dan SP11 yang terserempak dengan tertuduh yang bersenjatakan sebilah parang dan pisau semasa kebakaran itu menyokong hakikat bahawa tertuduhlah yang menikam si mati hingga menyebabkan kematiannya. Fakta bahawa tertuduh telah melarikan diri dan bersembunyi di dalam sebatang sungai selepas kejadian itu memperkuatkan lagi keterangan pendakwaan terhadapnya.

Pada pendapat saya hanya satu kesimpulan yang boleh dibuat daripada keterangan tersebut di atas, iaitu tertuduhlah yang telah menyebabkan kematian si mati dengan menikamnya dengan senjata yang ada dengannya pada masa itu. Adalah tidak mungkin bahawa kecederaan yang dialami itu diakibatkan oleh perbuatan si mati sendiri setelah mengambilkira sifat dan seriusnya kecederaan tersebut.

[16] Jelas bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan ialah berbentuk keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence). Pada pendapat kami hakim bicara tidak khilaf apabila menggunapakai prinsip bersabit dengan keterangan sedemikian. Beliau berpandukan nas-nas seperti *Kartar Singh & Anor v Rex* [1952] MLJ 85; *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1966] 2 MLJ 195 dan *Public Prosecutor v Rosyatimah bte Neza & Anor* [1989] 1 MLJ 360.

[17] Kami berpuashati bahawa hakim bicara telah membuat suatu keputusan yang betul apabila mendapati pihak pendakwaan berjaya menegakkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh. Beliau menyatakan tertuduh telah menikam si mati dengan senjata yang ada padanya pada masa yang material. Beliau juga merumuskan tiada kemungkinan kecederaan yang dialami si mati adalah akibat perbuatan si mati sendiri berdasarkan keseriusan kecederaan tersebut.

[18] Mengenai persoalan niat tertuduh melakukan pembunuhan hakim bicara telah membuat inferens daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan yang berada di tempat kejadian pada malam si mati dijumpai. Beliau juga mengambilkira kecederaan pada si mati. Hakim bicara menghayati prinsip daripada nas-nas seperti *Nor Hasnizam bin Ab Latif v Public Prosecutor* [2002] 1 MLJ 154; *Tan Buck Tee v Public Prosecutor* [1961] MLJ 176.

[19] Beliau memetik kata-kata Raja Azlan Shah HMP (Baginda ketika itu) dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 di ms 176 seperti berikut:

> the deliberate use by some men of dangerous weapons at another leads to the irresistible inference that their intention is to cause death.

[20] Selanjutnya hakim bicara melahirkan pendapatnya dengan menyatakan:

> Di peringkat ini saya berpuashati bahawa kecederaan yang dikenakan ke atas si mati melalui tikaman di bahagian dada menembusi paru-paru kiri hingga menembusi pericardiunm dan bilik jantung kiri oleh benda tajam kepada satu kesimpulan sahaja, iaitu orang yang menyebabkan kecederaan sebagaimana yang disahkan oleh pakar forensik ('SP15') akan hanya menjurus kepada satu kesimpulan sahaja, iaitu orang yang menyebabkan kecederaan itu memang mempunyai niat untuk melakukan pembunuhan, atau selainnya dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh yang dia tahu mungkin akan menyebabkan kematian (lihat perenggan (a) dan (b) s 300 Kanun). Saya juga berpendapat bahawa tindakan tersebut juga tergulung dalam takrifan perenggan (c) dan (d) s 300 tersebut.

[21] Selepas tertuduh diperintah untuk membela diri pihak pembelaan mengemukakan seramai lima saksi termasuk tertuduh sendiri. Teras pembelaan tertuduh ialah penafian terlibat dalam pembunuhan si mati. Tertuduh membangkitkan persoalan ketidaksiuman (insanity) di bawah peruntukan s 84 KK yang berbunyi seperti berikut (Bahasa Inggeris):

> Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he Is doing what is either wrong or contrary to law.

[22] Kami akan petik intipati keterangan tertuduh seperti dalam penghakiman hakim bicara seperti berikut:

> Dalam keterangannya tertuduh mengakui ada bersama si mati di rumah tersebut di malam kejadian itu. Si mati adalah kekasihnya dan mereka telah tinggal bersama di rumah itu sejak 2–3 bulan sebelumnya. Pada hari kejadian itu dia hanya ingat apa yang berlaku dari pagi hingga petang sahaja. Pada hari itu dia berbuka puasa dengan si mati, Mastura. Setelah buka puasa dia dan si mati telah mengambil dadah pil kuda dan heroin. Dia menghisap dengan banyak dan selepas itu dia tidak ingat apa yang berlaku. Apabila sedar semula didapati dia telah berada di sebuah bilik di hospital. Dia tidak tahu siapa yang membawanya ke hospital. Dia juga dimasukkan ke wad psikiatrik kira-kira 14 tahun dahulu pada tahun 1989 atau 1990.

Semasa diperiksa balas dia tidak ingat sama ada kawannya SP12, Zuki dan isterinya ada datang ke rumahnya pada malam hari kejadian itu. Dia juga tidak ingat bila datuknya balik ke rumah setelah keluar untuk berbuka puasa pada malam itu. Dia telah mula hisap heroin 4–5 tahun dan pil kuda dalam masa satu tahun sebelum kejadian tersebut. Dia mengambil dadah dengan kehendaknya sendiri dan bukan atas paksaan mana-mana orang. Apabila diajukan kepadanya oleh pendakwa raya, dia telah menafikan menikam si mati dan membakar rumah berkenaan pada malam itu kerana dia tidak ingat apa yang berlaku. Dia juga tidak ingat bahawa dia telah ditangkap dalam sungai pada pagi hari selepas kejadian itu.

[23] Hakim bicara juga memberi pertimbangan kepada keterangan SD2 dan SD3 yang mengenali tertuduh sejak kecil dan menyatakan tertuduh pernah berkelakuan seperti orang gila dan pernah mengamok pada tahun 1989 dan pernah dimasukkan ke wad gila.

[24] Saksi yang agak penting bagi pembelaan ialah Dr Suaran Singh ('SD4') iaitu pakar perunding psikiatris hospital Kota Bharu. Beliaulah yang menyediakan laporan perubatan ('D1') tertuduh. Hakim bicara telah memberi pertimbangan rapi terhadap keterangan SD4 kerana keterangannya akan menentukan keputusan mahkamah terhadap tertuduh memandangkan corak pembelaannya ialah ketidaksiuman.

[25] Sehubungan dengan itu kami berpendapat adalah wajar bagi kami memberi penekanan kepada segmen alasan hakim bicara yang mendapati tertuduh waras fikirannya ketika melakukan pembunuhan ke atas si mati. Pada hemat kami pemaparan sedutan sebahagian daripada alasan hakim akan memberi gambaran pemikiran beliau dalam menganalisa keseluruhan keterangan SD4. Alasan hakim bicara di ms 211–213 rekod rayuan adalah seperti berikut:

SD4 juga telah memberikan pendapatnya mengenai keadaan mental tertuduh berkaitan dengan kejadian ini. Menurutnya dia telah memeriksa tertuduh di Wad Cempaka pada 8.Januari 2000 setelah dia dimasukkan ke wad tersebut selepas kejadian itu. Keterangannya di mahkamah adalah seperti berikut:

He was admitted to Wad Cempaka (orthopaedics ward) for Injuries to his hand and was referred to the Department of Psychiatry on 8.1.2000 by the M.O. of Wad Cempaka. Because he became aggressive in 'Wad Cempaka'. I personally examined him in Wad Cempaka on 8.1.2000, my finding was as follows:

1. He had a symptom of opaque withdrawal.
2. Mental state examination showed that his speech was coherent and relevant no hallucination or delusion and his cognitive function was intact. He did not show any psychotic features on 8.1.2000.

> By 'phychosis' it means when an individual thought, language and communication are out of reality associated with perceptual disturbance and delusion and thought disorganization. The psychosis can be acute and last for short duration without requiring any treatment.

SD4 juga telah menjelaskan tentang kesan pengambilan dadah tertentu terhadap keadaan mental seseorang. Menurutnya pengambilan terlalu banyak dadah tertentu termasuk pil kuda, iaitu sejenis dadah methamphetamine, boleh menyebabkan 'acute hallucination and persecutory delusion', iaitu sejenis penyakit jiwa (psychiatric condition). Selanjutnya dia menjelaskan bahawa kejadian 'acute psychosis' boleh berulang terutamanya jika seseorang itu mengalami 'severe psycho social stress'. Seseorang yang mengidap 'acute psychosis' juga boleh bertindak ganas terutamanya kepada orang yang disayangi.

Mengenai kejadian 'acute psychosis' SD4 telah menjelaskan seperti berikut:

> A relapse can take place at any time. Acute psychosis occurs gradually up to full breakdown (acute psychosis). Recovery can be fast or gradual. In this case it may take a week to recover. In methamphetamine psychosis you will need antipsychotic to recover. In this case he was not started with antipsychotic.

[26] Hakim bicara seterusnya berkata:

> Setelah meneliti keseluruhan keterangan dan mengambilkira hal keadaan yang berkaitan, saya berpendapat pada masa material tertuduh tidaklah seorang tak sempurna akal dalam pengertian s 84 Kanun. Juga berupaya mengetahui keadaan perbuatannya dan apa yang dilakukannya itu adalah salah atau berlawanan dengan undang-undang. Pertamanya saya menerima keterangan SD4 yang memberi pendapatnya mengenai keadaan mental tertuduh, iaitu 'mental state examination showed that his speech was coherent and relevant. No hallucination or deluision and his cognitive function was intact. He did not show any psychotic features on 8.1.2000'.
>
> Prinsip undang-undang bagi pembelaan 'insanity' telah diputuskan dengan muktamatnya. Beban pembuktian bagi pembelaan sedemikian adalah terletak pada tertuduh dan tahap pembuktian yang perlu dilaksanakan oleh tertuduh adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat *Jusoh v Public Prosecutor* [1963] MLJ 84; *Sinnasamy v Public Prosecutor* [1956] MLJ 36; *Goh Yoke v Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 63). Untuk berjaya dalam pembelaan di bawah s 84 tersebut pihak pembela hendaklah membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa tertuduh adalah seorang tak sempurna akal, dan oleh sebab ketidaksempurnaan akalnya itu dia tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatannya atau apa yang dilakukannya itu sama ada salah atau berlawanan dengan undang-undang. Daripada tindakan dan perlakuannya selepas kejadian tersebut saya didapati adalah lebih mungkin daripada tidak bahawa dia mengetahui keadaan perbuatannya dan apa yang dilakukannya itu adalah salah dan berlawanan dengan undang-undang. Pertamanya terdapat keterangan ikut keadaan yang kukuh bahawa tertuduhlah yang telah membakar rumah tersebut kerana hanya dia dan si mati sahaja yang ada di rumah itu sebelum sahaja kebakaran tersebut perbuatan membakar rumah itu

juga boleh menimbulkan suatu inferens bahawa dia mengetahui keadaan perbuatannya semasa menikam si mati dan telah cuba menyembunyikan jenayah yang dilakukannya itu melalui kebakaran tersebut. Keduanya tindakan tertuduh melarikan diri dan bersembunyi di dalam sungai di bawah timbunan kiambang berlawanan dengan undang-undang. Ini diperkuatkan lagi dengan keterangan perubatan yang diberikan oleh SD4 yang menyatakan bahawa tertuduh tidak menunjukkan 'any psychotic features' semasa dia menjalankan pemeriksaan ke atasnya pada 8 Januari 2000. Pemeriksaan ke atasnya juga tidak menunjukkan apa-apa 'hallucination atau delusion'. Akhirnya terdapat keterangan SD5, pakar ortopedik yang mula-mula memeriksa tertuduh pada 7 Januari 2000, yang menyatakan tertuduh boleh menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya pada masa itu walaupun dia kelihatan dalam keadaan tertekan (depressed). Kesemuanya ini jelas menunjukkan bahawa tertuduh tidak mengalami apa-apa ketidaksempurnaan akal pada masa material.

Memandangkan terdapatnya keterangan yang menunjukkan tertuduh telah mengambil dadah, termasuk pil kuda, dalam jumlah yang berlebihan, saya juga mendapati perlu untuk menimbangkan sama ada pembelaan mabuk (intoxication) di bawah s 85(2) Kanun terpakai bagi tertuduh. Subseksyen 2 s 85 tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 85(2) Intoxication shall be a defence to any criminal charge if by reason thereof the person charged at the time of the act or omission complained of did not know that such act or omission was wrong or did not know what he was doing and —
>
> (a) The state of intoxication was caused without his consent by the malicious or negligent act of another person; or
>
> (b) The person charged was by reason of intoxication Insane, temporarily or otherwise, at the time of such act or omission.

Seksyen 85(2) di atas hendaklah dibaca bersama dengan s 86 Kanun, di mana di bawah sub-s (i) seksyen tersebut 'mabuk' telah ditakrifkan sebagai meliputi keadaan yang disebabkan oleh narkortik atau dadah. Bagi maksud pembelaan ini tertuduh hendaklah memenuhi elemen-elemen yang diperuntukkan di bawah perenggan (a) atau (b) sub-s (2) s 85 tersebut beban bukti bagi pembelaan ini juga terletak pada tertuduh dan tahap pembuktian adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat kes *Aladin v Public Prosecutor* [1964] MLJ 345; *Lee Wong Tiang v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 50).

Apa yang pasti dalam kes sekarang ini pembelaan di bawah perenggan (a) s 85(2) tersebut tidaklah terbuka kepada tertuduh kerana keterangan yang ada jelas menunjukkan bahawa dia telah mengambil dadah yang dimaksudkan atas kehendaknya sendiri. Untuk berjaya dalam pembelaan di bawah perenggan (b) pula tertuduh hendaklah membuktikan atas imbangan kebarangkalian, dua elemen yang berikut, iaitu:

(a) oleh sebab mabuk, tertuduh pada waktu menikam si mati tidak tahu apa yang dilakukannya; dan

(b) dia oleh sebab mabuk menjadi tak siuman (insane), buat seketika atau selainnya, pada waktu perbuatan itu.

Bagi elemen (a) di atas saya mengulangi dapatan saya yang dinyatakan terdahulu bahawa tertuduh, semasa melakukan perbuatan itu, berupaya mengetahui apa yang dilakukannya. Pertamanya dia berundur apabila SP11 hendak memukulnya dengan pam basikal. Tindakannya cuba mengelak serangan balas SP11 dan seterusnya telah melarikan diri apabila melihat SP10 datang membantu SP11 menunjukkan dia mengetahui apa yang dilakukannya sebaik sahaja selepas kejadian itu. Selanjutnya perbuatannya melarikan diri dari tempat kejadian dengan bersembunyi di bawah timbunan kiambang dan ranting-ranting buluh dalam sebuah sungai memperkuatkan lagi dapatan saya bahawa tertuduh tahu apa yang telah dilakukannya ke atas si mati. Keterangan SD4 dan SD5 yang dinyatakan terdahulu juga jelas menunjukkan bahawa tertuduh tidak mengalami ketidaksiuman sementara (temporary insanity) atas apa jua sebab.

Atas alasan-alasan di atas saya dapati tertuduh telah gagal untuk membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, pembelaan di bawah s 84 atau s 85(2)(a) atau (b) Kanun. Lantaran itu saya memutuskan setelah menimbang keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah, bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh dengan melampaui keraguan yang munasabah (beyond reasonable doubt). Tertuduh dengan ini didapati salah dan disabitkan atas kesalahan membunuh dan dikenakan hukuman mati seperti yang ditetapkan di bawah s 302 Kanun.

[27] Kami telah meneliti dan memberi pertimbangan yang wajar kepada alasan-alasan yang diberi oleh hakim bicara. Pada pendapat kami hakim bicara tidak khilaf dalam membuat penilaian fakta mahu pun dalam pemakaian prinsip undang-undang.

[28] Walaupun tiada sesiapa yang melihat tertuduh melakukan pembunuhan tetapi keterangan saksi-saksi (SP10, SP11, SP12, SP13) yang melihat tertuduh berada ditempat kejadian di mana si mati dijumpai mati dan kematian si mati disebabkan tikaman dan bukan kerana terbakar (keterangan SP15) serta keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan kesalahan oleh tertuduh dan bukan kepada lain-lain orang (sila lihat *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307; *Jayaraman & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 306).

[29] Hakim bicara juga mendapati si mati telah dikenal pasti oleh proses analisa DNA dan beliau berpuas hati si mati adalah Mastura bt Kamarul Jamal (sila lihat *Public Prosecutor v Hanif Basree bin Abdul Rahman* [2008] 3 MLJ 161). Beliau juga berpuas hati dengan wujudnya niat untuk membunuh dengan keterangan pakar forensik SP15 mengenai kecederaan si mati dengan luka tikaman yang banyak dan mustahil kecederaan yang membawa kematian dilakukan oleh si mati sendiri.

[30] Hakim bicara juga betul apabila mendapati beban pembuktian atas keterangan ikut keadaan oleh pendakwaan adalah ketat.

[31] Hakim bicara juga tidak khilaf apabila mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah mengakui keterangan saksi-saksi pembelaan.

[32] Beliau menolak pembelaan ketidaksiuman di bawah peruntukan s 84 KK kerana tertuduh sedar angkara perbuatannya. Bergantung kepada fakta keterangan, hakim bicara mendapati tertuduh membakar rumah untuk menutup jenayah yang dilakukannya dan selepas itu menyembunyikan diri di celah kiambang dalam sungai. Pada pendapat beliau jelas tertuduh mengetahui akan perbuatan salahnya. Di samping itu hakim bicara juga memberi pertimbangan kepada keterangan SD4 dan SD5 yang memperakui bahawa tertuduh tidak berada dalam keadaan 'hallucination or delusion' apabila dibuat pemeriksaan oleh mereka dan tertuduh dapat menjawab soalan-soalan mereka walaupun dalam keadaan tertekan.

[33] Seperkara lagi hakim bicara juga memberi pertimbangan kepada peruntukan s 85 KK mengenai keadaan mabuk oleh sebab mengambil dadah. Hakim tersebut berpendapat pembelaan di bawah peruntukan tersebut tidak berjaya dibuktikan oleh pihak pembelaan atas imbangan kebarangkalian memandangkan tertuduh atas kerelaannya mengambil dadah berlebihan.

[34] Kami berpendapat hakim bicara telah memberi pertimbangan wajar ke atas pembelaan ketidaksiuman. Pada keseluruhannya kami berpuashati hakim bicara telah memberi pertimbangan wajar berdasarkan fakta dan prinsip (sila lihat *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232). Justeru kami sebulat suara menolak rayuan tertuduh dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang dikenakan.

[35] Saudara-saudara saya Tengku Baharudin Shah Tengku Mahmud HMR dan Sulong Matjeraie HMR telah melihat draf penghakiman ini dan melahirkan persetujuan mereka.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum